

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 20(1) Perlembagaan UPM, Lembaga Pengarah Universiti membuat Dasar berikut:

**DASAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
(VAKSINASI COVID-19) 2021**

Pegawai dan pelajar Universiti adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan dos imunisasi COVID-19 yang lengkap sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dan Universiti untuk memastikan persekitaran tempat kerja termasuk persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang selamat kepada warga UPM, serta penyampaian perkhidmatan serta produktiviti perkhidmatan di Universiti berada pada tahap optimum.

Orang awam yang hendaklah berurusan dengan Universiti secara fizikal hendaklah mempunyai dos imunisasi COVID-19 yang lengkap bagi memelihara keselamatan dan kesihatan pegawai dan pelajar Universiti.

Walau apapun yang dinyatakan dalam Perenggan 1 dan 2 Dasar ini, pegawai dan pelajar Universiti serta orang awam yang tidak lengkap dos imunisasi COVID-19 dan ingin berurusan secara fizikal dengan Universiti hendaklah mematuhi Dasar COVID-19 Kebangsaan yang dikemas kini dari semasa ke semasa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Perenggan 1 dan 2 Dasar ini berkuat kuasa mulai 1 November 2021 dan perenggan 3 Dasar ini berkuat kuasa mulai 10 Februari 2022.

Dibuat 13 November 2021 dan dikemas kini pada 15 Februari 2022

Minit Mesyuarat LPU 160/05 dan 162/18

[UPM/PPUU/100-1/1/COVID-19]

  
**YAM Tengku Syarif Laksamana Perlis Dato' Seri DiRaja**

**Syed Razlan Syed Putra Jamalullail**

*Pengerusi Lembaga Pengarah*

*Universiti Putra Malaysia*